

Analisis kesejahteraan hidup nelayan pesisir

Mohd Shaladdin bin Muda

Wan Abdul Aziz bin Wan Mohd Amin

Fakulti Pengurusan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
Kuala Terengganu

Nik Wan bin Omar

Universiti Darul Iman Malaysia
Kampus KUSZA, Kuala Terengganu

Abstrak

Kajian ini menganalisis faktor-faktor penentu kepada kesejahteraan hidup para nelayan pesisir di daerah Kuala Terengganu. Isu mengenai kesejahteraan atau kualiti hidup nelayan menjadi sangat penting sekarang ini kerana rata-rata para nelayan pesisir termasuk dalam golongan rakyat yang miskin dan pembangunan golongan ini menjadi salah satu agenda terpenting kerajaan. Kajian ini menumpukan kepada empat aspek utama iaitu profil atau atribut nelayan, peranan kerajaan, peranan komuniti dan demografik. Aspek atribut nelayan yang merupakan penentu kepada kesejahteraan hidup terdiri daripada pendapatan, perbelanjaan, simpanan, pemilikan rumah, tanah, kenderaan, kemudahan dan peralatan nelayan, kesihatan dan pendidikan. Peranan kerajaan yang juga merupakan komponen penentu kesejahteraan hidup nelayan dilihat dari aspek prasarana, kursus dan latihan, khidmat nasihat, pemasaran, penguatkuasaan, penyelidikan dan pembangunan nelayan. Manakala peranan komuniti dilihat dari segi keamanan dan keharmonian masyarakat, semangat kerjasama, masalah sosial dan kerja-kerja kebajikan yang diusahakan oleh masyarakat setempat. Peranan komuniti dianggap sebagai moderator kepada kesejahteraan hidup nelayan setempat. Responden kajian ini diambil secara rawak di beberapa buah kampung nelayan di sekitar Kuala Terengganu. Ujian korelasi menunjukkan sebilangan besar faktor-faktor penentu mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesejahteraan hidup nelayan.

Pengenalan

Kemajuan sesebuah negara sebenarnya hanya boleh diukur berdasarkan kualiti hidup rakyat yang bertambah baik secara berterusan (Mahathir, 1999). Sejak merdeka, segala usaha telah dijalankan untuk meningkatkan kualiti atau kesejahteraan hidup semua lapisan masyarakat seperti menyediakan peluang meningkatkan pendapatan, kesihatan, perumahan, kemudahan asas yang lain dan persekitaran pekerjaan yang lebih baik. Walau bagaimanapun peningkatan kualiti atau kesejahteraan hidup ini tidak dinikmati secara menyeluruh oleh segenap lapisan masyarakat.

Malaysia merupakan salah satu negara yang dikenalpasti oleh Bank Dunia sebagai sebuah ekonomi yang berjaya namun masih terdapat masyarakat petani, penternak dan nelayan yang masih belum mengecapi nikmat pembangunan tersebut seolah-olah mereka berada di pinggir proses pembangunan negara (Muhyiddin, 2004).

Masalah kemiskinan tegar masih banyak terdapat di luar bandar yang majoritinya masyarakat petani, penternak dan nelayan. Kemiskinan tegar bermakna pendapatan mereka hanya separuh daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK). Nilai PGK adalah RM529 sebulan. Ini bermakna pendapatan golongan yang berada dalam kemiskinan tegar hanyalah RM265 sebulan. Muhyiddin (2005) menyatakan lagi

walaupun negara kita mencapai pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat dan “purchasing power parity” yang tinggi, terdapat masyarakat nelayan kita masih lagi tersisih dari arus kemajuan dan kehidupan mereka adalah ibarat “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”. Ini bermakna banyak lagi yang perlu dilakukan oleh kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri dan kita perlu proaktif dan inovatif dalam merangka dasar, strategi dan program-program bagi membendung kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat tani kita.

Berasaskan kepada kenyataan, di atas maka kajian berhubung dengan masyarakat nelayan perlu dilakukan bagi menyediakan maklumat, data dan pandangan yang bersifat ilmiah. Kajian ini bertujuan:

1. mengetahui tahap kesejahteraan hidup nelayan secara keseluruhan dan juga mengikut faktor-faktor penentu.
2. mengkaji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesejahteraan hidup nelayan berdasarkan faktor-faktor demografik.
3. mengkaji hubungan antara faktor-faktor dalam dimensi atribut nelayan dengan kesejahteraan hidup.
4. mengkaji hubungan antara faktor-faktor dalam dimensi peranan kerajaan dengan kesejahteraan hidup nelayan.
5. mengkaji sejauhmanakah peranan komuniti setempat sebagai pembolehubah moderator dapat memberi kesan kepada hubungan antara atribut nelayan dan peranan kerajaan dengan kesejahteraan hidup nelayan.
6. mengkaji pengaruh faktor-faktor dalam dimensi atribut nelayan dan peranan kerajaan yang menyumbang kepada kesejahteraan hidup nelayan.

Sorotan karya

Ramai penulis dan penyelidik memperkatakan tentang konsep kualiti atau kesejahteraan hidup. Umpamanya Renwick (2006) mengatakan kesejahteraan hidup adalah sesuatu perkara yang menyebabkan seseorang merasa seronok, bahagia dan merasakan hidupnya bermakna. Muhamad Fadhil (2003) pula mengatakan kesejahteraan hidup pada hakikatnya adalah usaha untuk mengatasi masalah dan meningkatkan kualiti hidup manusia sehingga berada dalam keadaan hidup yang selamat, sihat dan selesa baik secara fizikal, sosial mahupun psikologi.

Norizan (2003) dalam kajiannya membahagikan kesejahteraan hidup itu kepada dua kategori kualiti, iaitu kualiti hidup objektif dan kualiti hidup subjektif. Menurut beliau kualiti hidup objektif bermaksud keperluan hidup yang dapat dikecapi oleh individu dan dapat dilihat secara luaran seperti pendapatan, perumahan, kesihatan dan pendidikan. Kualiti hidup subjektif pula ialah kepuasan dan nikmat hidup yang dirasakan oleh individu seperti berasa seronok dan bersyukur kerana mempunyai pekerjaan yang baik, anak-anak yang berjaya dan mempunyai keluarga yang bahagia. Beliau

menjelaskan lagi kesejahteraan hidup adalah merupakan kualiti hidup subjektif kerana kesejahteraan itu adalah kemuncak kepada kepuasan dan kebaikan manusia.

Siti Fatimah (2005) pula menjelaskan konsep kesejahteraan hidup atau kualiti hidup ini bukan semata-mata diukur dengan nilai material sahaja seperti pemilikan rumah, kenderaan, taraf pendidikan yang tinggi tetapi ianya juga merangkumi aspek-aspek yang tidak berbentuk material seperti perasaan kasih sayang, kemesraan, rasa belas kasihan antara individu dan sentiasa berlapang dada. Laporan Kualiti Hidup Malaysia (1999), mengatakan konsep kualiti hidup melibatkan perubahan dalam masyarakat dan sistem sosial daripada keadaan yang dianggap tidak memuaskan kepada keadaan yang lebih baik. Secara lebih khusus kualiti hidup Malaysia ditakrifkan sebagai merangkumi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, akses dan kebebasan memperolehi pengetahuan serta taraf kehidupan yang melebihi keperluan asas individu dan memenuhi keperluan psikologi untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial sesuai dengan aspirasi negara (UPE,1999).


Selain daripada memperkatakan tentang definisi dan konsep kesejahteraan hidup, sorotan karya juga melihat tentang metodologi kajian dan pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian berhubung dengan kesejahteraan hidup. Misalnya Pollnac *et al.* (2001), Binkley (1995) dan Gatewood *et al.* (1990), mengatakan faktor-faktor seperti atribut individu, masalah sosial dan struktur komuniti mempengaruhi kesejahteraan hidup secara menyeluruh. Li (2006) dalam kajian ke atas kesejahteraan hidup di China telah menggunakan lima domain kehidupan iaitu kesihatan, keluarga, hubungan sosial, pekerjaan dan alam sekitar sebagai pembolehubah.

Nieboer *et al.* (2005) pula menggunakan pencapaian matlamat, tingkah laku, status dan keselesaan sebagai petunjuk kepada kesejahteraan hidup. Dalam kajiannya beliau menggunakan *structural equation modeling* untuk menguji model yang telah dibentuk. Norizan (2003) pula menggunakan kaedah *triangulation* dalam mengkaji kualiti atau kesejahteraan hidup penduduk. Para penyelidik seperti Norizan (2003), Calvert *et al.* (2000) dan Polnac *et al.* (2001) dan menggunakan faktor pendapatan, pendidikan, kesihatan, perumahan, pengangkutan dan komunikasi, keamanan dan keselamatan, keluarga, persekitaran kerja dan penyertaan sosial sebagai peramal kepada kesejahteraan hidup. Faktor-faktor di atas lebih kurang sama dengan yang disenaraikan dalam Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999 sebagai komponen dalam Indeks Kualiti Hidup Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri 1999.

Metodologi kajian

Kerangka konsep

Dalam membangunkan kerangka konsep sorotan karya tempatan dan luar negara telah digunakan (contohnya Pollnac, 2001; Norizan, 2003; Renwick, 2006; UPE,1999; Li, 2005; Nieboer *et al.*, 2005). Sorotan karya menghasilkan kerangka konsep seperti dalam rajah 1.



Rajah 1: Kerangka konsep kajian

Merujuk kepada kerangka konsep kajian, penyelidik menghasilkan hipotesis berikut iaitu kesejahteraan hidup dipengaruhi oleh faktor atribut nelayan dan faktor peranan kerajaan. Atribut nelayan merangkumi perkara-perkara seperti pendapatan, perbelanjaan, simpanan, pemilikan rumah, tanah, kenderaan, kemudahan dan peralatan nelayan, kesihatan dan pendidikan. Peranan kerajaan pula terdiri daripada prasarana, kursus dan latihan, khidmat nasihat, pemasaran, penguatkuasaan, penyelidikan dan pembangunan nelayan.

Penyelidik juga menghasilkan hipotesis komuniti setempat seperti keamanan dan keharmonian masyarakat, tali persaudaraan di kalangan anggota masyarakat, semangat kerjasama, masalah sosial, tahap pendidikan anggota masyarakat, kedudukan geografi kampung dan kerja-keja kebajikan yang diusahakan oleh masyarakat setempat sebagai *moderator* kepada hubungan antara faktor-faktor penentu dengan kesejahteraan hidup nelayan.

Soal Selidik

Sebanyak 120 set soal selidik yang telah diedarkan secara rawak kepada responden di sekitar Kuala Terengganu. Sebanyak 102 set soal selidik telah dikembalikan dan ini menunjukkan kadar tindak balas responden sebanyak 85%.

Selaras dengan kerangka konsep di atas, soal selidik kajian ini mengandungi lima bahagian utama iaitu **bahagian A** mengenai faktor demografik seperti jantina, umur, taraf perkahwinan, taraf pendidikan, tempoh bekerja sebagai nelayan, pendapatan bulanan, taraf pemilikan rumah, tanah dan kenderaan. **Bahagian B** pula merupakan profil atau atribut nelayan yang merupakan faktor penentu kepada kesejahteraan hidup nelayan seperti:

- *pendapatan*, bagi mendapatkan gambaran sama ada pendapatan sebagai nelayan mencukupi untuk menyara keluarga, juga untuk mengetahui sama ada mereka berpuas hati dengan pendapatan yang diperolehi, seterusnya sebagai perbandingan sama ada pendapatan sekarang lebih baik daripada masa lalu

dan adakah mereka menjangkakan pendapatan di masa akan datang lebih baik daripada sekarang;

- *perbelanjaan*, adalah untuk mengetahui sama ada keperluan perbelanjaan keluarga dapat dipenuhi sepenuhnya, juga untuk mengetahui sama ada mereka berpuas hati kemampuan berbelanja untuk keluarga, seterusnya untuk mendapat gambaran sama ada kemampuan berbelanja untuk keluarga sekarang lebih baik daripada masa lalu dan adakah mereka menjangkakan kemampuan berbelanja untuk keluarga di masa akan datang lebih baik daripada sekarang;
- *simpanan*, untuk mengetahui sama ada mereka mempunyai simpanan yang cukup untuk kegunaan keluarga dan berpuas hati dengan jumlah simpanan yang ada sekarang, juga untuk mengetahui sama ada nilai simpanan yang ada sekarang ini lebih baik daripada masa lalu dan apakah mereka menjangka nilai simpanan akan bertambah pada masa depan;
- *rumah kediaman*, bertujuan mengetahui sama ada rumah yang didiami sekarang dapat menampung ahli keluarga, sama ada mereka berpuas hati dengan rumah yang didiami sekarang, seterusnya untuk mengetahui sama ada rumah yang didiami sekarang lebih baik daripada yang lalu, dan adakah mereka menjangkakan keadaan rumah yang mereka diami sekeluarga bertambah baik di masa akan datang;
- *tanah*, untuk mengetahui sama ada yang diduduki sekarang mampu menampung keperluan keluarga, sama ada mereka berpuas hati dengan tanah yang diduduki sekarang dan adakah mereka menjangka akan memiliki keluasan tanah yang lebih baik daripada sekarang;
- *kenderaan*, sama ada memiliki kenderaan dan berpuas hati dengan kenderaan yang ada sekarang serta apakah mereka menjangka di masa hadapan akan dapat memiliki kenderaan yang lebih baik daripada yang dimiliki sekarang;
- *bot dan peralatan nelayan*, adakah mereka merasakan bot dan peralatan nelayan yang ada sekarang memadai untuk menangkap ikan, juga untuk mengetahui sama ada mereka berpuas hati dengan apa yang ada sekarang, seterusnya untuk mengetahui adakah bot dan peralatan yang ada sekarang ini lebih baik daripada yang lalu, dan seterusnya adakah mereka merasakan akan mempunyai bot dan peralatan nelayan yang lebih baik di masa akan datang daripada yang dimiliki sekarang;
- *kesihatan*, soalan ini bertujuan mengetahui adakah para nelayan merasakan kerja sebagai nelayan boleh menjejaskan kesihatan mereka, atau adakah mereka merasakan bekerja sebagai nelayan telah menambah kesihatan mereka, seterusnya adakah mereka berpuas hati dengan tahap kesihatan sekarang; dan
- *pendidikan*, untuk mengetahui adakah mereka berpuas hati dengan tahap pendidikan mereka, apakah mereka merasakan pendidikan adalah penting untuk menaikkan taraf hidup, juga untuk mengetahui sama ada mereka merasakan pendidikan juga penting untuk bekerja sebagai nelayan dan seterusnya adakah mereka bersetuju yang tahap pendidikan yang baik akan meningkatkan taraf hidupnya sebagai nelayan.

Bahagian C pula mengandungi soalan-soalan untuk mengetahui peranan, tugas dan tanggungjawab kerajaan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan hidup nelayan. Berdasarkan kepada kajian lepas, jelas menunjukkan bahawa peranan kerajaan merupakan faktor penentu kepada kesejahteraan hidup nelayan. Dalam kajian ini peranan kerajaan dilihat dari segi:

- *prasarana*, untuk mengetahui sama ada prasarana yang disediakan oleh kerajaan telah mencukupi atau memadai, sama ada para nelayan berpuas hati dengan prasarana yang disediakan sekarang, atau adakah prasarana yang ada sekarang lebih baik berbanding dengan masa lalu dan seterusnya untuk mengetahui apakah mereka merasakan prasarana ini akan bertambah baik pada masa akan datang.
- *kursus dan latihan*, soalan ini untuk mengetahui sama ada para nelayan pernah mengikuti sebarang kursus atau latihan yang dikendalikan oleh kerajaan, kekerapan mengendalikan kursus itu memadai dan memuaskan hati mereka serta adakah hebahan mengenai kursus atau latihan yang dianjurkan oleh kerajaan itu menyeluruh dan diketahui oleh para nelayan.
- *khidmat nasihat*, untuk mengetahui sama ada para nelayan tahu tentang wujudnya khidmat nasihat yang diberikan oleh pihak kerajaan, adakah mereka berpuas hati dengan khidmat nasihat yang diberi, juga untuk mengetahui sama ada khidmat nasihat yang diberi itu dapat meningkatkan taraf hidup mereka.
- *pemasaran*, soalan ini bertujuan mendapat gambaran sama ada para nelayan berpuas hati dengan peranan kerajaan dalam usaha menstabilkan harga ikan atau adakah orang tengah masih lagi merupakan penentu kepada nilai hasil tangkapan para nelayan, seterusnya adakah sekarang ini peranan orang tengah semakin berkurang berbanding masa lalu.
- *penguatkuasaan*, dilihat dari segi adakah penguatkuasaan itu membantu dalam meningkatkan pendapatan nelayan, sama ada mereka berpuas hati dengan tahap penguatkuasaan, seterusnya sama ada mereka faham tentang perkara-perkara yang berhubung dengan penguatkuasaan.
- *penyelidikan dan pembangunan nelayan*, soalan ini untuk mengetahui sama ada para nelayan tahu tentang wujudnya aktiviti penyelidikan dan pembangunan nelayan dan hasil daripada penyelidikan dan pembangunan nelayan memberi manfaat kepada para nelayan.

Bahagian D dalam soal selidik ini pula mengandungi kenyataan-kenyataan berkaitan dengan peranan komuniti seperti dari segi keamanan dan keharmonian kampung, tali persaudaraan anggota masyarakat setempat, masalah sosial, taraf pendidikan, taraf pendapatan secara umum, kedudukan geografi kampung dan kerja-kerja kebajikan yang dilaksanakan oleh masyarakat setempat. Kajian ini ingin melihat sama ada peranan komuniti memberi kesan secara langsung atau tidak langsung kepada kesejahteraan hidup nelayan setempat.

Alat-alat analisis atau ujian

Analisis kebolehppercayaan instrumen

Kaedah analisis kebolehppercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kestabilan dalaman (*internal consistency*) dengan menggunakan nilai pekali *alpha*. Menurut Zaidatul dan Mohd. Salleh (2003), kaedah ini baik untuk melihat aras konsisten dalaman yang dipunyai oleh instrumen. Nilai pekali *alpha* yang maksimum ialah 1. Sekiranya nilai pekali *alpha* kurang daripada 0.6, maka instrumen yang digunakan di dalam kajian mempunyai kebolehppercayaan yang rendah.

Analisis tahap kesejahteraan hidup menggunakan min skor

Item-item dalam soal selidik adalah menggunakan skala *likert* di antara nilai 1 paling rendah hingga 5 paling tinggi. Dalam kajian lima belas faktor penentu kesejahteraan hidup yang dikategorikan kepada dua dimensi iaitu atribut nelayan dan peranan kerajaan. Setiap faktor penentu mempunyai empat item soalan, dimensi atribut nelayan mempunyai 9 faktor manakala dimensi peranan kerajaan mengandungi 6 faktor. Bagi setiap faktor skor yang paling rendah adalah 4 iaitu hasil darab nilai 1 dengan 4 dan bagi skor yang paling tinggi ialah 20 iaitu hasil darab 5 dengan 4. Skor untuk dimensi nelayan yang paling rendah ialah 36 iaitu hasil darab bilangan item bagi setiap faktor, (4) dengan bilangan faktor bagi dimensi nelayan, (9) dan seterusnya bagi tahap-tahap yang lain. Begitu juga dengan dimensi peranan kerajaan sebanyak 6 faktor jadi skor yang paling rendah adalah 24, manakala bagi tahap kesejahteraan hidup secara keseluruhan yang mengandungi 15 faktor, jadi skor yang paling rendah adalah 60 iaitu hasil darab 4 dengan 15 dan untuk tahap-tahap kesejahteraan hidup yang seterusnya seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Tahap kesejahteraan hidup

	Sangat Rendah	Rendah	Sederhana	Tinggi	Sangat Tinggi
Item	1	2	3	4	5
Faktor	4	8	12	16	20
Dimensi atribut nelayan	36	72	108	144	180
Dimensi peranan kerajaan	24	48	72	96	120
Keseluruhan	60	120	120	240	300

Analisis varians atau ANOVA

Analisis varians bertujuan untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesejahteraan hidup nelayan berdasarkan faktor-faktor demografik.

Dalam kajian ini terdapat tujuh hipotesis yang diuji iaitu:

Hipotesis pertama:

H_0 : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam kesejahteraan hidup nelayan berdasarkan faktor umur.

H_a : Terdapat perbezaan min yang signifikan dalam kesejahteraan hidup nelayan berdasarkan faktor umur.

Hipotesis kedua:

H_0 : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam kesejahteraan hidup nelayan berdasarkan faktor taraf perkahwinan.

H_a : Terdapat perbezaan min yang signifikan dalam kesejahteraan hidup nelayan berdasarkan faktor taraf perkahwinan.

Hipotesis ketiga:

H_o : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam kesejahteraan hidup nelayan berdasarkan faktor taraf pendidikan.

H_a : Terdapat perbezaan min yang signifikan dalam kesejahteraan hidup nelayan berdasarkan faktor taraf pendidikan.

Hipotesis keempat:

H_o : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam kesejahteraan hidup nelayan berdasarkan faktor tempoh kerja sebagai nelayan.

H_a : Terdapat perbezaan min yang signifikan dalam kesejahteraan hidup nelayan berdasarkan faktor tempoh kerja sebagai nelayan.

Hipotesis kelima:

H_o : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam kesejahteraan hidup nelayan berdasarkan faktor taraf kedudukan.

H_a : Terdapat perbezaan min yang signifikan dalam kesejahteraan hidup nelayan berdasarkan faktor taraf kedudukan

Hipotesis keenam:

H_o : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam kesejahteraan hidup nelayan berdasarkan faktor nelayan sepenuh masa.

H_a : Terdapat perbezaan min yang signifikan dalam kesejahteraan hidup nelayan berdasarkan faktor nelayan sepenuh masa. Untuk menentukan sama ada menerima

Hipotesis ketujuh:

H_o : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam kesejahteraan hidup nelayan berdasarkan faktor pendapatan bulanan.

H_a : Terdapat perbezaan min yang signifikan dalam kesejahteraan hidup nelayan berdasarkan faktor pendapatan bulanan.

Untuk menerima atau menolak hipotesis nul berasaskan kepada analisis data berkomputer SPSS, perlu dilihat kepada nilai signifikan daripada output komputer. Jika nilai signifikan lebih kecil daripada 0.05, hipotesis nul berjaya ditolak, ini bermakna terdapat perbezaan min yang signifikan bagi pembolehubah yang diuji. Sebaliknya jika nilai signifikan lebih besar daripada 0.05, hipotesis nul tidak berjaya ditolak, bermakna menerima hipotesis nul. Jika menerima hipotesis nul bermakna tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi pembolehubah yang dikaji (Zaidatun dan Mohd. Salleh, 2003).

Analisis korelasi

Analisis korelasi digunakan untuk melihat arah hubungan antara pembolehubah bebas yang terdiri daripada dimensi atribut nelayan dan dimensi peranan kerajaan dengan pembolehubah bersandar iaitu kesejahteraan hidup nelayan. Di samping itu melalui analisis korelasi dapat diketahui kekuatan hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar dengan melihat kepada pekali korelasi (nilai r). Juga melalui analisis korelasi dapat diketahui sama ada hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar itu signifikan atau tidak. Oleh kerana data yang dikaji bersifat *interval*, kajian ini menggunakan model korelasi *Pearson* (Coakes *et al.*, 2003).

Analisis korelasi separa

Analisis ini dijalankan untuk melihat peranan komuniti sebagai *moderator* dalam hubungan diantara atribut nelayan dan peranan kerajaan dengan kesejahteraan hidup nelayan.

Analisis regresi

Analisis regresi digunakan untuk mengetahui sumbangan faktor-faktor dalam pembolehubah ke atas pembolehubah bersandar. Oleh kerana terdapat lebih daripada satu pembolehubah bebas, maka kajian ini menggunakan model regresi linear. Dalam kajian ini terdapat dua regresi yang akan digunakan iaitu regresi ke atas dimensi atribut nelayan untuk melihat sumbangan setiap faktor yang signifikan dalam dimensi atribut nelayan kepada kesejahteraan hidup. Begitu juga analisis regresi dijalankan ke atas faktor-faktor dalam dimensi peranan kerajaan untuk melihat sumbangan setiap faktor tersebut kepada kesejahteraan hidup nelayan.

Dapatan kajian dan perbincangan

Keputusan ujian kebolehpercayaan dan kenormalan

Nilai *Cronbach's Alpha* bagi faktor-faktor yang dikaji dalam kajian ini adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Keputusan analisis ujian kebolehpercayaan

Dimensi	Bil. Item	Alpha
Atribut nelayan	36	0.8799
Peranan kerajaan	24	0.8855
Peranan komuniti	9	0.8948
Kesejahteraan hidup nelayan	60	0.9216

Kesemua nilai alpha lebih tinggi daripada 0.6 dan ia boleh diterima sebagai alat pengukuran (Sekaran, 2003).

Jadual 3: Profil demografi responden

Profil demografi	Kategori	Kekerapan	Peratusan
Umur	Bawah 20 tahun	2	1.96
	20 hingga 29 tahun	6	5.88
	30 hingga 39 tahun	22	21.57
	40 hingga 49 tahun	22	21.57
	50 hingga 59 tahun	34	33.33
	60 tahun ke atas	16	15.69

Jadual 3: Profil demografi responden (samb)

Taraf kahwin	Bujang	21	20.6
	Kahwin	76	74.4
	Duda	5	4.9
Pendidikan	Tidak Bersekolah	13	12.7
	Sekolah Rendah	55	53.9
	SRP/ PMR	11	10.8
	SPM	23	22.5
Tempoh kerja nelayan	Kurang dpd 10 tahun	11	10.78
	10 hingga 19 tahun	24	23.53
	20 hingga 29 tahun	21	20.59
	30 hingga 39 tahun	25	24.51
	40 tahun atau lebih	21	20.59
Bilangan anak	3 atau kurang	40	39.21
	4 hingga 6	34	33.33
	7 hingga 9	22	21.57
	10 atau lebih	6	5.88
Jawatan	Tuan punya bot	16	15.7
	Juragan	11	10.8
	Awak-awak	75	73.5
Pendapatan bulanan*	RM300 ke bawah	2	1.96
	RM 300 hingga kurang 550	76	75.51
	RM 550 ke atas	24	24.48
Perbelanjaan	Kesemua pendapatan	72	70.6
	Lebih separuh pendtan	28	27.5
	Separuh pendapatan	2	2.0
Taraf Rumah	Rumah sendiri	55	53.9
	Menyewa	5	4.9
	Menumpang	42	41.2

*Nota : Pendapatan Isirumah RM265 ke bawah kemiskinan tegar
RM526 Pendapatan Garis Kemiskinan

Profil demografi responden

Dapatan kajian menunjukkan responden yang dipilih secara rawak tidak berstruktur ini semuanya terdiri daripada lelaki. Hal ini kerana para nelayan khususnya di Kuala Terengganu boleh dikatakan kesemuanya atau sebilangan besar adalah lelaki. Manakala responden yang paling muda berumur 19 tahun dan paling tua adalah 84 tahun. Memandangkan julat di antara nelayan yang paling muda dan paling tua adalah begitu besar dan melihat kepada taburan data yang asal, pengkaji telah mengelaskan pembolehubah umur ini seperti yang tertera dalam Jadual 3. Berdasarkan responden yang dipilih secara rawak, didapati lebih daripada 70 peratus para nelayan adalah berumur 40 tahun dan ke atas.

Dari segi taraf perkahwinan pula 74.4 peratus telah berkahwin. Lebih daripada 85 peratus para nelayan yang dikaji pernah mengikuti alam persekolahan secara formal dengan majoriti daripadanya iaitu 53.9 peratus menamatkan pengajian di sekolah rendah dan tahap pendidikan yang paling tinggi pula adalah tamat persekolahan di

peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Tempoh bekerja sebagai nelayan pula agak lama iaitu lebih daripada 65 peratus nelayan yang dikaji telah menjadi nelayan selama 20 tahun atau lebih. 73.5 peratus para nelayan yang dikaji bertaraf *awak-awak*, 10.8 peratus sebagai juragan dan hanya 15.7 peratus mempunyai bot sendiri. Dari segi pendapatan isi rumah 1.96 berada pada tahap kemiskinan tegar. Majoriti iaitu lebih kurang 74.51 peratus berada ditahap kemiskinan manakala hanya 24.48 peratus berpendapatan melebihi tahap kemiskinan iaitu RM 526 dan ke atas. Dari segi taraf rumah kediaman pula hanya 55 peratus daripada mereka memiliki rumah sendiri, 42 peratus menumpang dan 5 peratus menyewa. Secara lebih terperinci profil responden adalah seperti dalam Jadual 3.

Analisis varian bagi profil demografi dengan kesejahteraan hidup nelayan

Dapatan daripada analisis ANOVA di antara beberapa faktor demografi dengan kesejahteraan hidup sebagai nelayan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Analisis varian bagi faktor demografi dengan kesejahteraan hidup nelayan

Faktor demografi	Nilai F	Signifikan	Keputusan hipotesis
Umur	1.159	0.298	Terima H_0
Taraf kahwin	0.512	0.601	Terima H_0
Taraf pendidikan	1.982	0.122	Terima H_0
Tempoh kerja sebagai nelayan	2.085	0.006	Tolak H_0
Jawatan	3.656	0.029	Tolak H_0
Nelayan sepenuh masa	9.082	0.003	Tolak H_0
Pendapatan bulanan	1.805	0.059	Terima H_0

* Perbezaan min adalah signifikan pada $p < 0.05$

Jadual 4 menunjukkan nilai signifikan bagi hipotesis nul yang pertama ialah 0.298, nilai ini lebih besar daripada 0.05, oleh itu hipotesis nul yang pertama tidak berjaya ditolak. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan min kesejahteraan hidup nelayan yang signifikan berdasarkan umur. Begitu juga bagi taraf perkahwinan, pendidikan dan pendapatan bulanan semuanya didapati nilai signifikan lebih besar daripada 0.05. Ini bermakna hipotesis nul diterima, oleh itu tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi faktor taraf perkahwinan, pendidikan dan pendapatan bulanan dengan kesejahteraan hidup nelayan yang dikaji. Walau bagaimanapun faktor jawatan dalam nelayan seperti *awak-awak* dan juragan, didapati terdapat perbezaan min yang signifikan berhubung dengan kesejahteraan hidup. Begitu juga dengan dengan faktor sama ada nelayan itu bekerja sepenuh masa atau tidak sepenuh masa didapati nilai signifikan hanya 0.003 iaitu rendah daripada 0.05. Ini bermakna hipotesis nul ditolak, oleh itu terdapat perbezaan min yang signifikan antara bekerja nelayan sepenuh masa dengan kesejahteraan hidup.

Tahap kesejahteraan hidup nelayan

Tahap kesejahteraan hidup nelayan mengikut faktor-faktor penentu adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Min skor kesejahteraan hidup nelayan mengikut faktor penentu

Faktor penentu	Minimum	Maksimum	Min Skor
Penguatkuasaan	7.00	20.00	14.6275
Prasarana	7.00	20.00	13.9510
Kesihatan	7.00	20.00	13.8137
Bot & peralatan nelayan	4.00	18.00	13.2059
Rumah kediaman	4.00	20.00	12.2745
Pemasaran	4.00	17.00	12.0882
Pendidikan	4.00	18.00	11.8922
Penyelidikan & pembangunan	4.00	20.00	11.4412
Kenderaan	4.00	18.00	11.1373
Khidmat nasihat	4.00	19.00	10.8235
Pendapatan	4.00	16.00	10.4608
Perbelanjaan	4.00	20.00	10.2941
Kursus dan latihan	4.00	19.00	9.3039
Tanah kediaman	4.00	18.00	9.1667
Simpanan	4.00	17.00	7.1471

Berdasarkan kepada Jadual 5, hanya faktor-faktor penguatkuasaan, prasarana, kesihatan, bot dan peralatan nelayan, rumah kediaman, pemasaran hasil tangkapan nelayan yang menunjukkan min skor yang lebih besar daripada 12. Ini menunjukkan tahap kesejahteraan hidup bagi faktor-faktor ini adalah agak baik kerana *median* bagi skala ini ialah 12. Jika nilainya lebih besar daripada 12, ianya dianggap sebagai baik kerana semakin mendekati nilai 20, tahap kesejahteraan menjadi semakin baik atau tinggi. Sebaliknya jika sekiranya nilai min skornya lebih rendah daripada 12, tahap kesejahteraan hidup dianggap rendah dan jika menghampiri nilai minimum 4, ianya bermakna tahap kesejahteraan hidup semakin rendah. Justeru didapati bagi faktor-faktor seperti pendidikan, penyelidikan dan pembangunan, kenderaan, khidmat nasihat, pendapatan, perbelanjaan, kursus dan latihan, tanah kediaman dan simpanan berada pada tahap kesejahteraan hidup yang rendah. Jadual 6 pula menunjukkan tahap kesejahteraan hidup mengikut dimensi dan secara keseluruhan.

Jadual 6: Min skor kesejahteraan hidup secara keseluruhan dan mengikut dimensi

	Minimum	Maksimum	Min
Atribut nelayan	60.00	137.00	99.3922
Peranan kerajaan	43.00	107.00	72.2353
Kesejahteraan hidup (Keseluruhan)	112.00	238.00	171.6275

Tahap kesejahteraan hidup berdasarkan atribut nelayan min skornya ialah 99.39. Ini adalah lebih rendah daripada nilai *median* iaitu 108.00. Ini bermakna tahap kesejahteraan yang berpaksi kepada diri mereka sendiri adalah rendah. Manakala tahap kesejahteraan berasaskan peranan yang harus dimainkan oleh kerajaan berada pada tahap sederhana. Ini ditunjukkan melalui nilai min 72.24 lebih tinggi sedikit daripada nilai *median* iaitu 72. Walau bagaimanapun, tahap kesejahteraan hidup nelayan yang dikaji pada keseluruhannya adalah rendah kerana nilai min adalah 171.63 manakala nilai *median* pula 180.

Analisis korelasi antara faktor-faktor penentu dengan kesejahteraan hidup

Korelasi antara faktor-faktor penentu dengan kesejahteraan hidup adalah seperti dalam Jadual 7. Berdasarkan kepada jadual tersebut didapati majoriti daripada faktor-faktor bagi dimensi atribut nelayan iaitu pendapatan, perbelanjaan, simpanan, rumah kediaman, tanah tapak kediaman, kenderaan dan pendidikan mempunyai korelasi yang signifikan dengan kesejahteraan hidup nelayan. Kesemua faktor-faktor tersebut adalah signifikan pada 0.01 (*2-tailed*), dalam masa yang sama kesemua faktor berkenaan mempunyai nilai positif. Justeru ia menunjukkan peningkatan kepada faktor-faktor pendapatan, perbelanjaan, simpanan, pendidikan, hak pemilikan rumah, tanah dan kenderaan akan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

Kekuatan hubungan antara faktor-faktor bagi dimensi atribut nelayan dengan kesejahteraan hidup berada pada tahap sederhana mengikut Jadual Taksiran Connolly dan Sluckin iaitu nilai r antara 0.4 dengan 0.7. Misalnya nilai pekali korelasi bagi pendapatan ($r=0.679$), kenderaan ($r=0.629$), simpanan ($r=0.625$) dan rumah kediaman ($r=0.624$), walaupun berada dalam sederhana tetapi nilai pekali korelasi ini menghampiri 0.7 iaitu tahap korelasi yang kuat. Seterusnya dapatan kajian ini menunjukkan terdapat dua faktor dari dimensi atribut nelayan iaitu bot dan peralatan nelayan, dan kesihatan tidak mempunyai korelasi yang signifikan dengan kesejahteraan hidup. Walau bagaimanapun hubungan adalah positif bermakna peningkatan ke atas pemilikan bot dan peralatan nelayan serta tahap kesihatan juga akan menambah kepada kesejahteraan hidup.

Hubungan antara faktor-faktor bagi dimensi peranan kerajaan dengan kesejahteraan hidup pula didapati kesemua faktor mempunyai korelasi yang amat signifikan iaitu $p < 0.01$, dengan kesejahteraan hidup kecuali penguatkuasaan tidak signifikan dan nilai pekali korelasinya negatif. Daripada faktor-faktor yang mempunyai korelasi yang signifikan didapati faktor-faktor penyelidikan dan pembangunan, khidmat nasihat, dan kursus dan latihan mempunyai korelasi positif yang kuat dengan kesejahteraan hidup, dimana nilai pekali korelasi masing-masing adalah 0.758, 0.738 dan 0.709. Untuk lebih terperinci, lihat Jadual 7.

Analisis mengenai peranan komuniti sebagai moderator hubungan antara faktor penentu dengan kesejahteraan hidup nelayan

Berdasarkan kepada kerangka konsep kajian ini dimensi atribut nelayan dan dimensi peranan kerajaan adalah merupakan penentu kepada kesejahteraan hidup nelayan, manakala peranan komuniti pula dianggap sebagai *moderator* kepada hubungan antara faktor penentu dengan kesejahteraan hidup. Untuk melihat peranan *moderator* dalam hubungan faktor penentu dengan kesejahteraan hidup, analisis korelasi separa

dijalankan dengan mengawal faktor peranan komuniti. Maklumat mengenai analisis korelasi separa adalah seperti dalam Jadual 8.

Hasil daripada analisis korelasi separa setiap faktor penentu dengan kesejahteraan hidup didapati faktor peranan komuniti telah berfungsi sebagai *moderator* atau menyederhanakan hubungan antara faktor penentu dengan kesejahteraan hidup.

Misalnya nilai korelasi sifar bagi faktor pendapatan telah menurun daripada 0.679 kepada 0.665 apabila faktor peranan komuniti dikawal menunjukkan yang peranan komuniti telah mempengaruhi kedua-dua pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Ini bermakna faktor peranan komuniti berfungsi sebagai *moderator* kepada hubungan antara pendapatan dengan kesejahteraan hidup. Begitu juga bagi faktor dalam dimensi atribut nelayan seperti perbelanjaan, simpanan, rumah kediaman, tanah kediaman dan kenderaan didapati nilai pekali korelasi telah menurun apabila peranan komuniti dikawal. Ini menunjukkan peranan komuniti mempengaruhi kedua-dua pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Manakala faktor bot dan peralatan nelayan, kesihatan dan pendidikan didapati nilai pekali korelasi meningkat apabila faktor peranan komuniti dikawal. Justeru itu dalam hubungan ini peranan komuniti mempengaruhi pembolehubah bersandar sahaja iaitu kesejahteraan hidup.

Bagi faktor-faktor dalam dimensi peranan kerajaan didapati faktor-faktor seperti kursus dan latihan, khidmat nasihat, pemasaran, penyelidikan dan pembangunan nilai pekali korelasi menjadi lebih rendah daripada nilai pekali sifar apabila peranan komuniti dikawal. Misalnya nilai pekali sifar bagi kursus dan latihan telah menurun daripada 0.709 menjadi 0.696, ini menunjukkan peranan komuniti telah berfungsi sebagai *moderator* yang mempengaruhi pembolehubah bebas iaitu faktor penentu dan pembolehubah bersandar iaitu kesejahteraan hidup. Manakala bagi faktor-faktor seperti prasarana dan penguatkuasaan didapati nilai pekali korelasi telah bertambah apabila peranan komuniti dikawal, justeru dalam hubungan ini faktor peranan komuniti hanyalah mempengaruhi pembolehubah bersandar sahaja iaitu kesejahteraan hidup dan ianya lebih bersifat pembolehubah bebas.

Jadual 7: Korelasi factor-faktor penentu dengan kesejahteraan hidup nelayan

	KSH	PDT	BEL	SIM	RUMAH	TANAH	KEND	BOT	SIHAT	DIDIK	INFRA	KURSUS	KHIDMA	PASAR	KUASA	P&P
KSH	1															
PDT	.679**	1														
BEL	.549**	.666**	1													
SIM	.625**	.428**	.361**	1												
RUMAH	.624**	.459**	.345**	.412**	1											
TANAH	.617**	.359**	.272**	.609**	.615**	1										
KEND	.629**	.341**	.284**	.495**	.305**	.446**	1									
BOT	.037	-.003	.081	-.107	-.320**	-.422**	-.023	1								
SIHAT	-.023	-.083	.053	-.321**	-.092	-.251*	-.095	.378**	1							
DIDIK	.566**	.180	.136	.318**	.328**	.395**	.333**	-.056	.037	1						
INFRA	.299**	.263**	.093	.010	.061	-.136	.003	.403**	.256**	-.020	1					
KURSUS	.709**	.306**	.206*	.404**	.398**	.523**	.388**	-.179	-.240*	.442**	-.009	1				
KHIDMA	.738**	.400**	.202*	.430**	.413**	.526**	.383**	-.219*	-.337**	.507**	.028	.788**	1			
PASAR	.495**	.445**	.303**	.280**	.373**	.116	.164	.201*	-.012	.081	.341**	.182	.196*	1		
KUASA	-.023	-.288**	-.210*	-.091	-.323**	-.120	.111	.149	.142	.077	.049	.058	-.035	-.375**	1	
P&P	.758**	.498**	.289**	.327**	.432**	.320**	.346**	-.061	-.191	.366**	.269**	.629**	.754**	.445**	-.129	1

** Signifikan pada 0.01 1 (2-tailed).

* Signifikan pada 0.05 (2-tailed).

Jadual 8: Korelasi separa antara sribut nelayan, peranan kerajaan dengan kesejahteraan hidup nelayan

Dimensi / Faktor	Korelasi sifar	Korelasi separa
Atribut Nelayan		
Pendapatan	0.679	0.665
Perbelanjaan	0.549	0.530
Simpanan	0.625	0.607
Rumah kediaman	0.624	0.605
Tanah kediaman	0.617	0.602
Kenderaan	0.629	0.616
Bot dan peralatan nelayan	0.037	0.156
Kesihatan	0.023	0.072
Pendidikan	0.566	0.607
Peranan Kerajaan		
Prasarana	0.299	0.375
Kursus dan latihan	0.709	0.696
Khidmat nasihat	0.738	0.728
Pemasaran	0.495	0.473
Penguatkuasaan	-0.023	0.062
Penyelidikan dan pembangunan	0.758	0.748

* Korelasi separa apabila dimensi peranan komuniti dikawal

Pengaruh faktor-faktor penentu kepada kesejahteraan hidup nelayan

Dapatan analisis regresi menunjukkan pengaruh pembolehubah bebas iaitu atribut nelayan dan peranan kerajaan ke atas kesejahteraan hidup nelayan (Jadual 9).

Jadual 9: Pengaruh faktor penentu kepada kesejahteraan hidup nelayan

Kesejahteraan hidup	Koefisyen Tak Piawai B	Koefisyen Piawai Beta (B)	R ²	Adjusted R ²	VIF
Atribut nelayan				0.808	
Konstan	60.581		0.821		
Pendapatan	2.455	0.311			2.607
Pendidikan	2.486	0.288			1.446
Kenderaan	1.617	0.252			1.496
Rumah kediaman	1.417	0.184			2.053
Simpanan	1.157	0.123			1.971
Perbelanjaan	0.792	0.107			1.913
Tanah kediaman	0.433	0.061			2.773
Peranan kerajaan				0.738	
Konstan	72.973		0.751		
Kursus dan latihan	2.234	0.314			2.853
Khidmat nasihat	1.817	0.303			4.636

Jadual 9: Pengaruh faktor penentu kepada kesejahteraan hidup nelayan (samb)

Pemasaran	1.920	0.243			1.638
Penyelidikan/ Pembangunan	1.062	0.180			3.498
Prasarana	1.637	0.162			1.305

Hasil analisis regresi bagi faktor-faktor dalam dimensi atribut nelayan didapati bahawa pendapatan merupakan faktor yang paling berpengaruh dalam hubungan atribut nelayan dengan kesejahteraan hidup kerana nilai koefisien piawai (*Beta*) paling tinggi iaitu 0.311, kemudian diikuti dengan pendidikan ($\beta=0.288$), pemilikan kenderaan ($\beta=0.252$), rumah kediaman ($\beta=0.184$), simpanan ($\beta=0.123$), perbelanjaan ($\beta=0.107$) dan tanah tapak kediaman ($\beta=0.061$). Bagi dimensi peranan kerajaan pula didapati faktor kursus dan latihan paling berpengaruh ($\beta=0.314$), diikuti oleh khidmat nasihat ($\beta=0.303$), pemasaran ($\beta=0.243$), penyelidikan dan pembangunan ($\beta=0.180$) dan prasarana ($\beta=0.162$).

Maklumat dalam Jadual 9 juga menunjukkan pembolehubah yang digunakan dalam kajian adalah bebas daripada masalah multikolinearan, ini ditunjukkan oleh nilai *VIF* yang rendah daripada 7. Oleh yang demikian, terdapat korelasi yang agak tinggi di kalangan faktor-faktor pembolehubah bebas tidak menjejaskan hasil analisis regresi.

Rumusan

Berasaskan kepada dapatan kajian dan perbincangan mengenainya dapatlah dibuat beberapa rumusan iaitu:

1. Tahap kesejahteraan hidup nelayan pesisir di daerah Kuala Terengganu khususnya berada ditahap rendah, misalnya tahap kesejahteraan hidup nelayan mengikut faktor penentu didapati min skor sembilan daripada lima belas faktor berada di bawah nilai 12, kesejahteraan hidup bagi atribut nelayan juga berada ditahap yang rendah iaitu min skornya 99.39 berbanding dengan nilai *median* 108. Kesejahteraan hidup bagi dimensi peranan kerajaan sedikit lebih tinggi daripada nilai *median* iaitu 72.25 berbanding dengan *median* 72. Tetapi secara keseluruhannya min skor adalah lebih rendah daripada nilai *median* iaitu 171.63 berbanding dengan 180.
2. Dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap kesejahteraan hidup nelayan terdapat dua pihak yang terlibat secara langsung iaitu individu nelayan itu sendiri dan kerajaan. Justeru kajian ini menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan hidup mengikut dimensi atribut nelayan dan peranan kerajaan seperti dalam Jadual 9.
3. Bagi dimensi atribut nelayan faktor yang harus diberi perhatian yang serius ialah pendapatan, pendidikan, pemilikan kenderaan, rumah kediaman, simpanan, perbelanjaan dan tanah tapak kediaman. Bagi dimensi peranan kerajaan pula harus dititikberatkan kepada kursus dan latihan, khidmat nasihat, pemasaran, penyelidikan dan pembangunan dan prasarana.
4. Walaupun dapatan kajian ini membahagikan kesejahteraan hidup mengikut dimensi atribut nelayan dan peranan kerajaan tetapi kedua-duanya mempunyai hubungkait yang kuat di antara satu sama lain seperti ditunjukkan dalam Jadual 7. Misalnya pendapatan mempunyai korelasi yang positif dan signifikan dengan

faktor kursus dan latihan, khidmat nasihat, penyelidikan dan pembangunan, pemasaran dan prasarana begitu juga dengan pendidikan mempunyai korelasi yang positif dengan faktor-faktor peranan kerajaan. Oleh yang demikian, pihak kerajaan perlu meningkatkan kesejahteraan hidup di kalangan masyarakat nelayan menerusi usaha berikut:

- meningkatkan program kursus dan latihan kepada nelayan dengan mengambilkira bilangan kursus dan latihan, hebahan yang sampai kepada kumpulan sasar, kandungan dan pendekatan kursus dan harus sentiasa membuat penilaian keberkesanan bagi setiap kursus yang dijalankan;
- memperbanyakkan dan permudahkan khidmat nasihat dan rundingan kepada para nelayan. Ini bermaksud menambah bilangan khidmat nasihat serta menambah tempat atau pusat untuk mendapatkan khidmat nasihat. Dengan ini para nelayan yang mempunyai masalah akan lebih mudah untuk bertemu dengan para pegawai yang terlibat untuk mendapatkan nasihat. Dalam masa yang sama para pegawai harus sentiasa turun padang untuk memberi penerangan dan juga nasihat-nasihat semasa yang difikirkan perlu;
- memperkemaskan sistem pemasaran hasil tangkapan nelayan dengan mengurangkan campur tangan orang tengah. Ini bermakna kerajaan harus mengadakan mekanisme selain daripada penguatkuasaan undang-undang dan peraturan agar para nelayan merasakan pendapatan mereka terjamin. Dengan kata lain, kerajaan perlu mewujudkan mekanisme pemasaran yang boleh memberi jaminan kepada nelayan iaitu kuantiti dan kualiti tangkapan ikan boleh menunjukkan pulangan yang bakal didapati. Misalnya dengan mempelbagaikan sistem pemasaran ikan mengikut sesuatu tujuan tertentu seperti pasaran ikan segar, eksport, ditinkan atau lain-lain jenis ikan yang diproses;
- memperbanyakkan program penyelidikan dan pembangunan nelayan dalam pelbagai aspek termasuk dari segi peralatan dan kelengkapan, pendekatan, pengurusan, ekonomi, pemasaran dan sosial; serta
- menjaga prasarana yang sedia ada, meningkatkan kualiti prasarana yang sedia ada dan seterusnya menambahkan bilangan dan jenis prasarana supaya lebih baik daripada yang sebelumnya.

Walaupun cadangan-cadangan tersebut lebih menjurus kepada peranan yang harus dimainkan oleh pihak kerajaan tetapi kejayaan sesuatu program kerajaan harus disambut dengan penuh pengertian oleh nelayan. Ini bermakna para nelayan harus bersedia dan sanggup berusaha memajukan diri sendiri agar kesejahteraan hidup mereka akan bertambah baik. Memandangkan terdapatnya korelasi yang positif di antara faktor-faktor peranan kerajaan dan faktor-faktor atribut nelayan adalah dijangkakan apabila kerajaan meningkatkan peranannya melalui peningkatan program-program yang dibincangkan di atas. Pada masa yang sama, para nelayan akan berusaha menambah pengetahuan, meningkatkan pelbagai aktiviti ekonomi supaya pendapatan bertambah, mengurus perbelanjaan dengan baik yang diharapkan dapat meningkatkan simpanan dan seterusnya mampu memiliki rumah kediaman dan kenderaan sendiri. Pada masa kini, kenderaan dilihat sebagai keperluan asasi dan boleh menjana pendapatan tambahan kepada para nelayan. Jika adunan dua pihak iaitu kerajaan dan nelayan berlaku dengan cekap dan berkesan, maka kesejahteraan hidup para nelayan akan dapat ditingkatkan.

Rujukan:

- Binkley, M. (2002). *Set adrift: Fishing families*, Toronto: University of Toronto Press.
- Calvert, G. and Henderson, H. (2005). The Calvert-Henderson quality of life indicators, <http://www.calvert-henderson.com/>
- Coakes, J.S. and Steed, G.L.(2003). *SPSS analysis without anguish version 11.0 for Windows*. Australia: John Wiley & Sons.
- Gatewood, J.B. and McCay, B. (1990). Comparison of job satisfaction in six New Jersey Fisheries, *Human Organization*, 49 (1): 14-25.
- Li Liu (2006). Quality of life as a social representation in China: A qualitative study, *Social Indicators Research*, 75(2): 217-240.
- Mahathir Mohamad, (1999). Kata alu-aluan kualiti hidup Malaysia 99, <http://www.epu.ipm.my/New%20Folder/publication/mqli99/1>, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Kuala Lumpur.
- Muhamad Fadhil Nurdin, (2003). *Penilaian dampak pembangunan ke arah kesejahteraan masyarakat; Penilaian dampak sosial*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor.
- Muhyiddin Mohd Yassin, (2005). Mesyuarat dengan Ahli-Ahli Exco Pertanian, <http://banktani.tripod.com/muhyiddin.htm> pada 25/1/2006, Hotel Renaissance, Kuala Lumpur.
- Muhyiddin Mohd Yassin, (2004). Ucaputama YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Persidangan Halatuju Sektor Pertanian Dan Industri Berasaskan Pertanian, [http://agrolink.moa.my/darimejamenteri/exco %20pertanian](http://agrolink.moa.my/darimejamenteri/exco%20pertanian) pada 31/12/2005, Wisma Tani, Kuala Lumpur.
- Nieboer, A., Lindenberg, S., Boomsma, A. and Van Bruggen, A.C., (2005). Dimensions of well-being and their measurement: The spf-II scale, *Social Indicators Research*, 73(3): 313-353.
- Norizan Abdul Ghani, (2003). Kualiti hidup penduduk pulau Negeri Terengganu: Satu kajian di Pulau Redang dan Pulau Perhentian, Tesis Ph.D, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Pollnac, R.B, Pomeroy, R.S, and Harkes, I.H.T., (2001). Fishery policy and job satisfaction in three Southeast Asian fisheries, *Ocean and Coastal Management* 44: 531-544.
- Renwick, R., (2006), The quality life model, <http://www.utoronto.ca/qol/concepts.htm>, pada 25/1/2006.
- Sekaran, U., (2003), *Research method for business: A skill building approach*, 4th ed. New York: John Willey & Sons.

- Siti Fatimah Abdul Rahman, (2006). Kriteria kualiti hidup berkeluarga, <http://www.ikim.gov.my/bm/paparmedia.php?key=781>, pada 25/1/2006.
- Unit Perancang Ekonomi (1999). Usaha ke arah peningkatan kualiti hidup, *Kualiti hidup Malaysia 99*, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu, (2003). *Analisis data berkomputer SPSS 11.5 for Windows*, Kuala Lumpur: Venton Publishing.